

Agrobank tawar Pinjaman Mikro ESP-i

B. H 05/6/09 MIS 30

Skim pembiayaan untuk pengusaha dan peniaga kecil dengan dana sebanyak RM300 juta

AGROBANK sudah mula menawarkan Pinjaman Mikro ESP-i, iaitu skim pembiayaan untuk pengusaha dan peniaga kecil sektor pertanian dengan dana sebanyak RM300 juta.

Dana untuk skim itu adalah sebahagian daripada pakej rangsangan ekonomi kedua yang diumumkan kerajaan 10 Mac lalu.

Ketua Pegawai Operasi Agrobank, Ahmad Said, berkata sejak dibuka awal bulan ini, bank itu sudah menerima 500 permohonan dan daripada jumlah itu sebanyak 300 permohonan sudah diluluskan membabitkan pembiayaan RM7 juta.

Katanya, Agrobank memperoleh dana itu daripada kerajaan minggu lalu dan menasarkannya mengagihkan semua peruntukan, berkenaan menjelang akhir tahun ini.

Beliau menyeru peniaga kecil atau bakal peniaga kecil memanfaatkan skim itu untuk memulakan perniagaan atau modal kerja bagi meningkatkan daya saing.

Bagaimanapun, katanya mereka yang berminat mendapatkannya perlu menyediakan pelan perniagaan berdaya maju.

Ahmad Said berkata, skim pembiayaan mikro itu menawarkan pinjaman sehingga RM50,000 bagi peniaga atau pengusaha yang bergiat dalam bidang perladangan dan penternakan serta sehingga RM20,000 bagi bidang pemrosesan makanan serta bukan makanan.

Daripada RM300 juta itu, katanya, Agrobank memperuntukkan RM200 juta bagi pembiayaan bidang perladangan dan penternakan serta



“Kami berusaha membantu sebaik mungkin dengan meluluskan permohonan dalam tempoh singkat, sejajar dengan usaha kerajaan untuk menjana lebih ramai usahawan kecil di negara ini”

Ahmad Said
Ketua Pegawai Operasi Agrobank

AZUDDIN SAAD | BERTA HARIAN

FAKTA NOMBOR

500
permohonan

Sudah diterima bagi Pinjaman Mikro ESP-i Agrobank sejak mula dibuka

RM100 juta untuk bidang pemrosesan.

Ahmad Said memberi jaminan pemohon yang mempunyai pelan perniagaan berdaya saing serta rekod bersih boleh diluluskan permohonan pembiayaan mereka dalam tempoh tujuh hari bekerja.

Tempoh pembayaran balik maksimum pembiayaan itu ialah lima tahun dan caj yang dikenakan ialah empat peratus setahun yang dikira atas baki.

“Kami berusaha membantu sebaik mungkin dengan meluluskan permohonan dalam tempoh singkat, sejajar dengan usaha kerajaan untuk menjana lebih ramai usa-



BAGI peniaga atau pengusaha yang bergiat dalam bidang perladangan dan penternakan, Mikro ESP-i menawarkan pinjaman sehingga RM50,000.

hawan kecil di negara ini, selain tidak membebankan pemohon dengan keperluan menyediakan cagaran atau penjamin,” katanya yang yakin pengalaman mengagihkan Skim Kredit Mikro pada 2003, akan membantu Agrobank menguruskan peruntukan baru ini dengan jayanya.

Ahmad Said berkata, menerusi skim terdahulu membabitkan nilai pinjaman RM200 juta, Agrobank (yang dulu dikenali sebagai Bank Pertanian Malaysia) berjaya mengutip semula keseluruhan jumlah berkenaan walaupun lama sedikit daripada tempoh lima tahun yang ditetapkan.

“Malah, kami berjaya mengutip lebih daripada nilai yang diperuntukkan oleh ke-

rajaan menerusi pembiayaan semula agihan pusing ganti dana yang sudah dikutip lebih awal,” katanya.

Agrobank sebelum ini dilaporkan menganggarkan dana RM300 juta itu bakal memanfaatkan lebih 10,000 usahawan dan bakal usahawan terbabit dalam bidang pengeluaran dan pemrosesan berasaskan pertanian di negara ini.

Ahmad Said berkata, selain pinjaman mikro menerusi peruntukan kerajaan, Agrobank turut menawarkan skim pinjaman mikro menggunakan dana sendiri, iaitu Skim Modal Usahawan Tani (MUST).

Skim yang menawarkan pinjaman sehingga RM50,000 itu bertujuan membantu pengusaha kecil mengembangkan lagi projek sedia ada, iaitu yang sudah diusahakan lebih setahun.

Sementara itu, Ahmad Said menjelaskan, usaha Agrobank yang mempunyai pengalaman hampir 40 tahun dalam industri perbankan negara, membiayai pembangunan PKS mendapat pengiktirafan apabila dipilih oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (CGC) sebagai penerima anugerah Institusi Pembiayaan Pembangunan (DFI) Terbaik 2008.

Anugerah itu disampaikan Pengerusi CGC yang juga Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Zamani Abdul Ghani pada 21 Mei lalu.

“Anugerah itu mengiktiraf dan menghargai sumbangan Agrobank dalam kemajuan PKS di Malaysia,” katanya sambil menambah antara lain anugerah itu menilai jumlah dan nilai pinjaman, pertumbuhan pinjaman, pinjaman kepada peminjam Bumiputera selain usaha memastikan kutipan berjalan lancar.